

25/07/1998

PM mulakan lawatan ke Afrika Selatan

Mahfar Ali in Johannesburg

JOHANNESBURG, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan lawatan kerja dua hari ke sini, hari ini dengan merasmikan bangunan baru Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Pretoria yang disifatkannya sebagai simbol komitmen dan persahabatan Malaysia dengan Afrika Selatan.

Dalam ucapan ringkas pada majlis itu, Perdana Menteri berkata, beliau bangga hubungan Malaysia dan Afrika Selatan terus berkembang dan bertambah kukuh dari semasa ke semasa.

Sehubungan itu, beliau memberi jaminan Malaysia akan sentiasa meletakkan keutamaan paling tinggi dalam usaha memperkukuhkan hubungannya dengan Afrika Selatan.

Bangunan baru Suruhanjaya Tinggi Malaysia yang berharga hampir RM5 juta itu terletak kira-kira 30 kilometer dari sini.

Kali terakhir Dr Mahathir mengunjungi Afrika Selatan pada Mei tahun lalu untuk menerima bintang The Order Of Good Hope Class 1: Grand Cross (Gold) - anugerah tertinggi yang diberikan Kerajaan Afrika Selatan sebagai menghargai sumbangan beliau yang tidak jemu merapatkan persahabatan rakyat kedua-dua negara.

Dalam lawatan kali ini, Perdana Menteri turut diberi penghormatan sebagai tetamu negara.

Ketibaan Dr Mahathir yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali di Lapangan Terbang Antarabangsa di sini kira-kira jam 5.15 pagi, disambut Menteri Luar Afrika Selatan, Alfred Nzo.

Pemangku Presiden Afrika Selatan, Thabo Mbeki, yang mewakili Presiden Nelson Mandela yang kini berada di luar negara, turut meraikan Dr Mahathir pada majlis jamuan tengah hari di Rumah Tamu Negara serta mengadakan perbincangan empat mata berhubung pelbagai perkara, termasuk isu ekonomi dan serantau.

Terdahulu, ketika merasmikan bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia, Perdana Menteri turut menyatakan kegembiraannya berhubung kemajuan besar yang dicapai negara ini sejak kerajaan baru Afrika Selatan dibentuk pada 1994.

Malah, kata Dr Mahathir, rakyat Afrika Selatan menunjukkan kesungguhan untuk membina sebuah masyarakat baru yang bebas dan demokratik selepas sekian lama ditindas dalam era apartheid.

Majlis perasmian bangunan perwakilan Malaysia itu turut dihadiri Alfred Nzo dan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Afrika Selatan, Datuk Abdul Kadir Deen.

Selain merasmikan bangunan baru itu, Dr Mahathir juga menyempurnakan upacara pembukaan Estet Perumahan Peacanwood, Hartebeespoort - projek usaha sama syarikat Malaysia, Country Heights dan sebuah syarikat tempatan, Peacanwood.

Country Heights memiliki ekuiti 51 peratus dalam pembangunan projek di kawasan seluas 237 hektar, yang turut menawarkan padang golf 18 lubang dan 850 lot banglo.

Pada sebelah malam pula, Dr Mahathir merasmikan Pesta Makanan dan Budaya Malaysia di Hotel Sandton Hilton di sini.

Esok, Perdana Menteri akan merasmikan Southern Bank of Afrika Ltd di sini, yang 50 peratus ekuitinya dimiliki Southern Bank of Malaysia.

Dr Mahathir juga akan menemui wakil syarikat Malaysia di Afrika Selatan. Sehingga kini, 25 syarikat Malaysia terbabit dalam pelbagai bidang pelaburan dan perniagaan di Afrika Selatan.

Antara syarikat terkemuka Malaysia yang banyak melabur di Afrika Selatan ialah Petronas, Telekom Malaysia Bhd, Renong dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB).

Petronas menguasai ekuiti 30 peratus dalam syarikat minyak Afrika Selatan - Engen, Telekom Malaysia memiliki 12 peratus saham dalam Telekom SA dan Renong pula terbabit dalam projek infrastruktur dan pembangunan.

Malaysia adalah pelabur kedua terbesar di Afrika Selatan selepas Amerika Syarikat dengan pelaburan berjumlah AS\$2.4 bilion (RM9.96 bilion) sejak 1994, tetapi kedudukan itu mungkin diambil alih Britain berikutan masalah kewangan dan ekonomi yang dihadapi negara Asia.

Dalam tempoh Januari hingga Mei lalu, kedua-dua negara mencatat dagangan bernilai RM490 juta.

Sementara itu, eksport Malaysia ke Afrika Selatan tahun lalu berjumlah RM800 juta, manakala import RM900 juta.

Eksport Malaysia kebanyakannya membabitkan minyak sawit (32 peratus), barangan elektrik dan elektronik (16.3 peratus), manakala barangan lain termasuk peralatan mekanikal dan alat ganti, getah dan produk getah serta balak dan produk balak.

Malaysia pula mengimport aluminium, peralatan kereta api, gula, alat ganti dan aksesori kenderaan serta batu berharga dari Eropah.

(END)